

SOALAN NO: 536

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]
RUJUKAN : BL6 [PR-1323-T63817]
SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah kaedah yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan permasalahan seperti banjir dan kesesakan lalu lintas di kawasan projek MRT.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, projek KVMRT merupakan suatu projek Kerajaan bertujuan untuk menyelesaikan masalah pengangkutan awam yang kian mendesak. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek tersebut dan juga mengurangkan impak negatif semasa pembinaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa bekerjasama dengan MRT Corporation untuk mengambil tindakan-tindakan pre-emptif untuk mengurangkan kemungkinan berlaku banjir kilat. Antara tindakan-tindakan pre-emptif yang telah diambil oleh pihak MRT Corporation termasuk:

- a) Mengawal hakisan tanah dan mendapan kelodak dari kawasan-kawasan pembinaan;
- b) Membersihkan kawasan longgokan tanah dan kawasan potongan cerun dengan helaian plastik dan susunan beg pasir;
- c) Memastikan semua saluran perparitan bebas dari kelodak; dan
- d) Memastikan tiada struktur sementara yang mengganggu pengaliran air di dalam sistem perparitan.

Bagi kerja-kerja pembinaan MRT di dalam rezab jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengenakan syarat kepada pihak pemaju untuk mengemukakan **Pelan Pengurusan Lalulintas (*Traffic Management Plan*)** yang perlu dibentangkan kepada Jawatankuasa Tindakan Lalulintas Jabatan Pengangkutan Bandar Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur. Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri dari wakil-wakil Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS), Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan jabatan-jabatan teknikal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Pelan Pengurusan Lalulintas untuk kelulusan ini adalah bagi memastikan impak ke atas aliran lalulintas yang minima dan juga memastikan keselamatan pengguna jalanraya diutamakan. Setelah mendapat kelulusan, barulah pemaju boleh memulakan kerja pembinaan. Pemaju juga perlu mengemukakan *Project Work Zone Audit Report* sekali setiap 3 bulan.

Selain daripada itu, pihak DOSH juga mengenakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh kontraktor pembinaan MRT demi keselamatan orang awam dan pekerja-pekerja semasa kerja-kerja dijalankan.